

**SOALAN NO: 129**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING [ STAMPIN ]**

**TARIKH : 19 JUN 2014**

**SOALAN :**

**YB Tuan Julian Tan Kok Ping [ Stampin ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah anak Sarawak mengikut bangsa yang mendapat biasiswa dari tahun 2012 sehingga terkini. Jenis biasiswa serta pengeluar biasiswa.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah anak Sarawak yang mendapat biasiswa dari tahun 2012 hingga 2013 adalah seramai **863 orang**. Daripada jumlah yang dinyatakan, **195 orang** melanjutkan pelajaran di bawah **Program Ijazah Luar Negara (PILN)** manakala **668 orang** melanjutkan pelajaran di bawah **Program Ijazah Dalam Negara (PIDN)**. Bagi tahun 2014, penajaan JPA masih dalam proses penawaran.

Sekian. Terima kasih.